

## **TALKING POINTS**

**Y.BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB  
NAIB CANSELOR UTeM**

---

### **MAJLIS HI-TEA KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) KE PERINGKAT ANTARABANGSA BERSAMA PENGURUSAN UNIVERSITI DAN JAWATANKUASA PEMANDU KIK UTeM**

*20 Oktober 2017 (Jumaat), Bilik Jamuan Mesyuarat Utama, 4.00 pm*

Terima Kasih Pengacara Majlis,

**Bismillahirrahmannirrahim.**

**Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Izaidin bin Abdul Majid**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

**Yang Berbahagia Prof. Dr. Goh Ong Sing**  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)

**Yang Berbahagia Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin**  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)

## **Yang Berbahagia Datuk Hasan bin Sirun**

### Pendaftar

Pegawai-pegawai kanan Universiti, Jawatankuasa Pemandu KIK UTeM, peserta KIK UTeM- Go Green dan Go Save yang diraikan serta hadirin hadirat yang dikasihi sekalian.

*Assalamualaikum* warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

1. Tahniah diucapkan kepada Kumpulan KIK GO Green dari FKM dan Go Save dari FKE yang akan mewakili Malaysia bersama-sama 36 organisasi di Malaysia untuk ke International Convention on Quality Control Circles 2017 di Manila, Filipina, pada 24 – 27 Oktober 2017.
2. Penyertaan 2 kumpulan ini dalam konvensyen KIK di peringkat antarabangsa telah membawa kejayaan yang sangat membanggakan sekaligus melonjakkan nama dan kecemerlangan UTeM di persada antarabangsa.
3. GO Green dengan Projek KIK - penggunaan kertas yang banyak dalam menguruskan kehadiran pelajar secara manual amat sesuai dengan amalan kita di Universiti dan institusi pendidikan yang lain dalam merekodkan kehadiran pelajar. Penyelesaian dalam masalah ini mampu membuka minda banyak pihak untuk menguruskan sistem

kehadiran dengan lebih kreatif dan inovatif, secara langsung dapat memelihara alam sekitar dengan pengurangan penggunaan kertas.

4. Go SAVE dengan projek penggunaan tenaga yang tidak terkawal oleh sistem penghawa dingin pula mampu memberi penyelesaian terbaik khususnya terhadap sistem penghawa dingin secara berpusat (centralize).
5. Universiti sentiasa memberikan sokongan penuh terhadap kumpulan KIK kerana melalui KIK, idea-idea kreatif dapat dijana dengan berkesan untuk memberi nilai tambah kepada semua pihak dalam meningkatkan lagi sistem perkhidmatan.
6. Tahniah kepada Jawatankuasa Pemandu KIK yang dipengerusikan oleh Pendaftar dan tahniah sekali lagi kepada Go Green, FKM dan Go Save, FKE di atas pencapaian yang amat membanggakan universiti ini.

7. Selamat Maju Jaya. Selamat pergi dan pulang ke tanah air dengan membawa bersama kejayaan besar kepada Universiti ini.